

**HUBUNGAN KONTEKS KELUARGA DAN PENGLIBATAN  
IBU BAPA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR  
BANDAR DAERAH PITAS**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



**NORBAYA BINTI RASICK**

**MT1212115T**

**MEI 2014**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



**NORBAYA BINTI RASICK**

**MT1212115T**

**MEI 2014**

HUBUNGAN KONTEKS KELUARGA DAN PENGLIBATAN  
IBU BAPA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR  
BANDAR DAERAH PITAS

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



NORBAYA BINTI RASICK

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disertasi ini dikemukakan kepada Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan)

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

**JUDUL** : HUBUNGAN KONTEKS KELUARGA DAN PENGLIBATAN IBU BAPAA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PITAS

**IJAZAH** : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

**SAYA** : NORBAYA BINTI RASICK

**SESI PENGAJIAN:** 2013/2014

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT

TERHAD


  
/

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA  
**RAHSIA RASMI 1972**)

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan oleh

  
(PROF. MADYA DR.SABARIAH SHARIFF)

NORBAYA BINTI RASICK

Alamat Tetap : SMK Pinggan-Pinggan, Peti Surat 441 ,

89108 Kota Marudu, Sabah

Tarikh : 18 /07/2014

Tarikh : 18 /07/2014

CATATAN : \* Potong yang tidak berkenaan

\*\*Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD. @ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulilah , Dalam kesempatan ini saya terlebih dahulu memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya projek penulisan desertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya sebagai memenuhi salah satu syarat penganugerahan Sarjana Pengurusan (Pendidikan) oleh Universiti Malaysia Sabah. Mengejar impian sarjana bagi pendidikan jarak jauh dan bukan sepenuh masa menuntut pengorbanan, kegigihan dan kesabaran yang tinggi. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya yang sabar iaitu Prof. Madya Dr. Sabariah Shariff yang sudi meluangkan masa membaca dan memberi kritikan yang membina kepada penghasilan desertasi ini. Tidak lupa juga pensyarah-pensyarah saya Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed, . Prof. Madya Dr Baharom Mohamad, Dr Suhaimi Mohd Taat, Dr Lee Bin Hii, Dr Roslee Talip, Dr Mohd Khairuddin Abdullah, Dr Shukri Zain, Dr Rasid Mail dan Dr Sopiah Abdullah yang memberi ilmu yang amat berguna sepanjang saya mengikuti pengajian sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

Tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (EPRD), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Pelajaran Daerah atas kelulusan yang diberikan untuk melaksanakan kajian ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengetua-Pengetua di daerah Pitas, penyelia-penyelia Pejabat Pelajaran Daerah yang banyak membantu pelaksanaan kajian ini.

Teristimewa buat suami tercinta, Jasri Juki yang telah banyak berdoa, berkorban dan menyuntik semangat serta dorongan yang tidak putus-putus menemani saya sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak dilupakan juga kepada kedua orang tua saya Rasick Amat dan Siti Ramat Badawi yang membesarkan saya dengan penuh kasih sayang. Terima kasih juga kepada ibu dan ayah mertua saya Mena Malai Ahmad dan Juki Imam Nanuh yang banyak berkorban menjaga anak-anak saya sepanjang pengajian ini. Buat adik beradikku yang begitu tulus memberi sokongan moral kepada saya, Mat Sali, Normilah, Mohammaddi, Normalah, Masdy, Norlela dan Norlisa. Akhir sekali kepada putra dan putri yang tersayang Ammar Aniq dan Almira Adwa Afiqah yang banyak berkorban masa dan menjadi sumber inspirasi saya. Semoga penghasilan desertasi ini menyuntik semangat buat semua wanita yang bergelar ibu `untuk mengejar impian ke arah pendidikan yang lebih tinggi.

Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya sepanjang tempoh pengajian, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih. Semoga sumbangan mereka mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di daerah Pitas. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sama ada wujud perbezaan dalam pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berdasarkan faktor demografi seperti jantina, bilangan adik beradik, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan ibu bapa. Seterusnya pengkaji ingin mengkaji hubungan antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Selain itu pengkaji juga ingin mengkaji hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar. Seramai 260 responden telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Ujian t, ANOVA Sehala dan Korelasi Pearson dan data yang dihuraikan melalui statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ( $r=.433$ ,  $p<0.05$ ) antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar. Dapatkan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ( $r=.483$ ,  $p<0.01$ ) antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar. Selain itu, dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar berdasarkan faktor demografi adalah sederhana . Dapatkan seterusnya, menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berdasarkan faktor demografi dalam kalangan guru-guru. Di akhir perbincangan, pengkaji menyatakan beberapa implikasi kajian dan cadangan kajian lanjut.

## **ABSTRACT**

*This study aims to investigate the relationship between family context and parental involvement and academic achievement of rural schools in the Pitas district. This study aimed to identify whether there were differences in academic achievement of high school students based on demographic factors such as gender, number of siblings, educational level and parents' monthly income. Next the researcher wants to study the relationship between family context and academic achievement of high school students. The researcher also wants to study the relationship between parental involvement and academic achievement of middle school students in rural area. A total of 260 respondents participated in this study. This study is a survey using quantitative methods. The questionnaire used in this study. Data were analyzed using t-test, one way ANOVA and Pearson correlation analysis and data described by descriptive statistics, statistical descriptive and inferential statistics. The results showed a significant relationship ( $r +.433, p<0.05$ ) between family context and academic achievement of middle school students in rural areas. The study showed a significant relationship ( $r +.483, p <0.01$ ) between parental involvement and academic achievement of rural schools based on demographic factors was moderate. The findings, in turn, indicated that the academic achievement of high school students based on demographic factors among teachers. At the end of the discussion, the researcher noted the implications of the study and further research recommendations.*

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Pengakuan</b>	ii
	<b>Penghargaan</b>	iii
	<b>Abstrak Bahasa Melayu</b>	iv
	<b>Abstrak Bahasa Inggeris</b>	v
	<b>Isi Kandungan</b>	vi-ix
	<b>Senarai Jadual</b>	x-xi
	<b>Senarai Rajah dan Graf</b>	xii
	<b>Senarai Singkatan</b>	xiii
	<b>Senarai Lampiran</b>	xiv-xv
<b>I</b>	<b>1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1-3
	1.2 Latar belakang kajian	3-5
	1.3 Pernyataan Masalah	6-7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Soalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	8
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Limitasi Kajian	10
	1.9 Definisi Operasional	11
	1.9.1. Penglibatan ibubapa	11

1.9.2. Demografi Keluarga	12
1.9.3. Konteks Keluarga	12
1.9.4. Pencapaian Akademik	13
1.9.5. Daerah Pitas, Sabah	13
1.10. Kesimpulan	114
<b>II      2.0    KAJIAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1. Pengenalan	15
2.2. Teori-Teori yang Digunakan dalam Kajian	15
2.2.1. Teori Ekologi Pembangunan Manusia	15-19
2.2.2. Teori Sistem Keluarga	19-24
2.2.3. Model Keteguhan Keluarga	24-26
2.2.4 Model Proses Penglibatan Ibubapa	26-29
2.3 Konteks Keluarga	29-32
2.4 Penglibatan Ibubapa	32-34
2.5 Demografi Keluarga	34-38
2.6 Kajian Lalu Berlatar Belakang Malaysia	38
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	39-40
2.8 Kesimpulan	41

<b>III</b>	<b>3.0</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>42</b>
	3.1	Pengenalan	42
	3.2	Rekabentuk Kajian	42-43
	3.3	Populasi dan Sampel	43-46
	3.4	Instrumen Kajian	46-50
	3.5	Prosedur Kajian	50-51
	3.6	Kajian Rintis	52-53
	3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian	53-56
	3.8	Pengumpulan dan Penganalisisan Data	56-58
	3.9	Analisis Faktor	58-60
	3.10	Normaliti Data	61-65
	3.11	Kesimpulan	66
<b>IV</b>	<b>4.0</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>67</b>
	4.1	Pengenalan	67
	4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	67
	4.2.1	Jantina	67
	4.2.2	Bilangan Adik Beradik	68
	4.2.3	Tahap Pendidikan Bapa	69
	4.2.4	Pendapatan Bulanan Bapa	69-70
	4.3	Analisis Statistik Inferensi	70-75
	4.4	Pengujian Hipotesis- Hipotesis Kajian	76
	4.5	Kesimpulan	77

**V 5.0 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 78**

5.1	Pengenalan	78
5.2	Rumusan	78-81
5.3	Perbincangan	81-96
5.4	Implikasi	97-110
5.5	Cadangan	110-111
5.6	Penutup	112-114

**BIBLIOGRAFI 115**

**LAMPIRAN A** (Surat Menyurat)

**LAMPIRAN B** ( Data Perjawatan)

**LAMPIRAN C** (Borang Soal Selidik)

**LAMPIRAN D** ( Dapatan SPSS) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LAMPIRAN E** (Peta Daerah Pitas)

## **SENARAI JADUAL**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.1	Populasi dan Sampel Kajian Mengikut Sekolah Di Daerah Pitas	46
Jadual 3.2	Pemarkahan Item Berdasarkan Skala Likert 1-5	48
Jadual 3.3	Jadual Pembahagian Instrumen Kajian	49
Jadual 3.4	Gred, Pangkat, Markah dan Nilai Bagi Pemarkahan	50
Jadual 3.5	Nilai Alpha Cronbach ke Atas Instrumen Kajian	53
Jadual 3.6	Alpha Cronbach dan Kekuatan Perkaitan	56
Jadual 3.7	Penentuan Tahap Penilaian Skor Min	57
Jadual 3.8	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	58
Jadual 3.9	Pelabelan Semula Konstruk Mengikut Analisis Faktor	60
Jadual 3.10	Statistik Skewness dan Kurtosis Bagi Bentuk Taburan Data Konteks Keluarga	61
Jadual 3.11	Statistik Skewness dan Kurtosis Begi Bentuk Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa	63
Jadual 3.12	Analisis Hipotesis	65
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	68
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik Beradik	68
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa	69

Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendapatan Bulanan Bapa	70
Jadual 4.5	Ujian $t$ Bagi Perbezaan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Demografi Jantina	71
Jadual 4.6	Ujian ANOVA Sehala Bagi Perbezaan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Demografi Bilangan Adik Beradik	72
Jadual 4.7	Ujian ANOVA Sehala Bagi Perbezaan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Tahap Pendidikan Bapa	72
Jadual 4.8	Ujian ANOVA Sehala Bagi Perbezaan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Tahap Pendapatan Bulanan Bapa	73
Jadual 4.9	Ujian Korelasi Pearson Konteks Keluarga Dengan pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Pitas	74
Jadual 4.10	Ujian Korelasi Pearson Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Pitas	75
Jadual 4.11	Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian	76

## **SENARAI RAJAH**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1	Model Ekologi Pembangunan Manusia	18
Rajah 2.2	Model Struktur Keluarga Brown	20
Rajah 2.3	Model Proses Penglibatan Ibu Bapa	26
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Hubungan Konteks Keluarga Dan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Pitas	38

## **SENARAI GRAF**

Graf 1	Scree Plot	59
Graf 2	Frekuensi Taburan Data Konteks Keluarga	62
Graf 3	Frekuensi Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa	64

## **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

%	:	Peratus
<	:	Kurang daripada
>	:	Lebih daripada
p	:	Aras Keyakinan / kesignifikanan
r	:	Pekali Korelasi
t	:	Nilai t
df	:	Darjah Kebebasan
N	:	Populasi
S	:	Sampel
ANOVA	:	Analisis Varians
Sp	:	Sisihan Piawai
H0	:	Hipotesis Nul
SPSS	:	Statistical Package for the Social Science
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
PPD	:	Pejabat Pelajaran Daerah
JPNS	:	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
KPM	:	Kementerian Pelajaran Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN A ( Surat Menyurat)**

- A1: Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Kepada KPM
- A2: Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Kepada JPN Sabah
- A3: Permohonan Data Perjawatan di JPN Sabah
- A4: Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan Oleh KPM
- A5: Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan oleh JPN Sabah
- A6 : Pengesahan Kehadiran Menjalankan Penyelidikan di sekolah
- A7: Borang Log Penyeliaan Proposal/ Desertasi

### **LAMPIRAN B (Data Perjawatan Guru)**

- B1: Data Perjawatan Guru

### **LAMPIRAN C (Borang Soal Selidik)**

- C1 : Bahagian A: Bahagian Demografi
- C2: Bahagian B : Konteks Keluarga
- C3 : Bahagian C : Penglibatan Ibu Bapa di Rumah
- C4 : Bahagian D : Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah
- C5 : Bahagian E : Maklumat Prestasi Pelajar

### **LAMPIRAN D ( Dapatan Analisis SPSS)**

- D1 : Jadual Penentuan Sampel Kajian Krejice dan Morgan (1970)
- D2 : Analisis Ujian-t pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina
- D3: Analisis ANOVA Sehala perbezaan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berdasarkan bilangan adik beradik, tahap pendidikan bapa dan pendapatan bulanan bapa

- D4 : Analisis Korelasi Pearson konteks keluarga dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar Daerah Pitas
- D5 : Analisis Korelasi Pearson Penglibatan Ibu Bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar Daerah Pitas



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Keluarga merupakan institusi yang utama, keluarga mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan masyarakat yang harmonis, berilmu seterusnya melahirkan warga pelajar yang cemerlang untuk mencapai wawasan yang seimbang antara kemajuan dan pembangunan modal insan. Dalam institusi keluarga, ibu bapa adalah individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka lah yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak yang akan bermula di peringkat kelahiran sehingga akhirnya ke peringkat dewasa (Rohner, Ronald & Veneziano, 2001).

Pada masa kini sekolah memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan insan yang berpotensi, kamil dan cemerlang. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa pendidikan pada masa kini memberi tumpuan kepada peranan serta komitmen para guru bagi menentukan kejayaan sesebuah sekolah itu. Jika sesebuah sekolah itu gagal mendapat keputusan yang baik dan tahap disiplin pelajarnya rendah, maka para guru merupakan insan pertama yang akan dipersalahkan. Namun, sebenarnya banyak aspek lain yang patut diambil kira bagi menangani masalah ini. Di samping guru, ibu bapa haruslah juga terlibat secara langsung bagi memastikan kejayaan sesebuah sekolah bagi melahirkan generasi berilmu yang dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan negara. Tegasnya, guru dan ibu bapa seharusnya berganding bahu dalam menentukan kejayaan pelajar dan juga sekolah.

Banyak kajian yang dilakukan di negara barat telah menunjukkan bahawa hubungan kerjasama yang wujud di antara sekolah dengan ibu bapa dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar di dalam bidang akademik. Masalah yang timbul sama ada dalam sesebuah institusi kekeluargaan atau di sekolah akan dapat diselesaikan sekiranya ibubapa dan para guru bekerjasama dalam satu pasukan.

Apabila hubungan kerjasama ini berjaya, maka pelajar akan merasakan bahawa sekolah itu adalah sebuah tempat yang selamat dan merasa gembira untuk ke sekolah dan belajar (Chavkin & William, 1988).

Penglibatan ibu bapa di dalam pembelajaran anak-anak akan memberikan kesan positif sepanjang proses pembelajaran samaada secara langsung ataupun tidak langsung. Secara umumnya, pendidikan bermula sedari dari rumah lagi dan ibu bapa adalah orang pertama yang akan memainkan peranan untuk mendidik anak-anak. Walaubagaimanapun, apabila anak-anak telah pun mencapai umur persekolahan, ibu bapa akan mempertanggungjawabkan para guru dalam usaha mendidik anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa dan para guru di negara kita tidak menyedari bahawa kedua-dua pihak boleh berkerjasama membentuk satu pasukan dalam usaha memberikan pendidikan terbaik buat anak-anak mereka.

Apabila anak-anak telah pun memasuki alam persekolahan guru akan dilihat sebagai insan penting dalam mendidik anak-anak berbanding dengan ibu bapa. Ini mungkin disebabkan oleh pendapat mengatakan bahawa anak-anak adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa apabila berada di rumah manakala apabila berada di sekolah mereka adalah di bawah tanggungjawab para guru (Soon,2000).

Penglibatan ibu bapa di sekolah sangat penting bagi membantu melahirkan generasi yang berpendidikan dan sentiasa maju ke hadapan. Ibu bapa merupakan insan pertama yang mendidik dan mengasuh para pelajar sebelum mereka diserahkan ke sekolah untuk diasuh dan dididik pula oleh guru-guru yang boleh dianggap sebagai ibu bapa kedua bagi pelajar tersebut. Namun, masa para pelajar yang singkat di sekolah memerlukan penglibatan dan komitmen daripada ibu bapa bagi sama-sama menangani masalah dan cabaran yang berkaitan pendidikan kanak-kanak pada masa kini.

Walaupun penglibatan ibu bapa amat penting dalam pendidikan anak-anak, namun masih ramai dalam kalangan mereka yang kurang terlibat. Menurut Jennifer (1999), kurangnya penglibatan ibu bapa dalam memastikan pembelajaran anak-anak

yang selesa dan berkesan ini adalah disebabkan kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kurang memberi kerjasama dengan pihak sekolah. Di samping itu mereka juga agak kurang memberi dorongan, motivasi dan galakan kepada anak-anak mereka kerana pelbagai faktor lain seperti masalah komunikasi, kewangan, sikap, masa dan kemahiran dalam pendidikan

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pencapaian akademik bagi seseorang pelajar adalah satu perkara yang amat penting. Ini menunjukkan tahap pemahaman pelajar terhadap apa yang dipelajarinya. Pencapaian yang menaik atau menurun akan memberi kesan dan impak kepada pelajar sama ada isi pembelajaran dapat dikuasai atau tidak. Kebiasaannya ia akan menjadi ukuran tahap IQ seseorang pelajar itu, semakin tinggi pencapaian akademik, maka disimpulkan bahawa pelajar tersebut sudah mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dan cerdik. Dengan pencapaian akademik ini, maka pelajar tersebut dapat meneruskan pengajian dan masuk ke institusi-institusi yang ditawarkan.

Seperti mana yang kita sedia maklum, betapa pentingnya ilmu untuk kita pelajari, tidak kira sama ada ilmu agama atau dunia asalkan ia adalah ilmu. Telah dijelaskan di dalam Al-Quran firman Allah SWT

خَيْرٌ ۝ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا اللَّهُ يَرْفَعُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) dengan beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan."

[Al-Mujadalah, 58: 11]

Berdasarkan dalil di atas ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Allah SWT telah memberikan pengiktirafan dan kemudahan jalan ke syurga kepada orang yang menuntut ilmu. Rentetan dari kelebihan menuntut ilmu ini, setiap orang boleh mencipta kejayaan dan mendapatkan pencapaian akademik yang sebaiknya disusuli dengan keikhlasan dalam menuntut ilmu. Kejayaan amat penting bagi pelajar dan ini menjadi satu nilai masa hadapan mereka. Apa yang akan mereka ceburi dalam bidang pekerjaan berkait rapat dengan bidang atau kursus yang diambil semasa belajar. Jadi jika pencapaian akademik jatuh merundum ini akan menjelaskan reputasi pelajaran dan memberi kesan ke dalam diri pelajar.

Kecemerlangan dalam akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar. Kecemerlangan prestasi pelajar sering dikaitkan dengan keputusan yang baik disertai dengan usaha mereka yang bersungguh-sungguh untuk terus mengekalkan kecemerlangan dan kejayaan mereka. Namun dalam proses dan langkah untuk mencapai kejayaan tersebut semestinya perlu melalui beberapa halangan dan cabaran untuk mencapainya. Persekutaran yang membentuk keyakinan dan jati diri kita, jika suasana persekitaran mengakibatkan seseorang tertekan ini secara tidak langsung menganggu sistem pembelajaran.

Setiap manusia yang diciptakan Allah SWT sudah pasti mempunyai bakat serta kebolehan semula jadi yang istimewa pada diri masing-masing. Namun, ini bergantung kepada diri sendiri bagaimana seseorang itu mampu mencipta dan menuju kepada kejayaan tersebut. Perbezaan untuk berjaya itu dapat dikenal pasti apabila mereka menggunakan tahap kecerdasan, motivasi dan juga pengaruh persekitaran yang dialami seperti masalah-masalah yang sering menganggu dan menghalangnya. Jelasnya di sini, aspek kejayaan ini amat penting bagi setiap manusia sehingga dalam perkara perlulah kepada matlamat serta kejayaan yang ingin digapai.

Bagi negara Malaysia, sektor pendidikan memang dipandang serius dan diberi perhatian memandangkan kita sekarang berada dalam pertengahan perjalanan ke arah Wawasan 2020. Hal ini dapat dibuktikan oleh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Misi Nasional (2006-

2020) yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 31 Mac 2006. ‘Pembangunan modal insan berminda kelas pertama’ telah ditetapkan sebagai salah satu daripada lima teras utama dalam Misi Nasional yang berhalu tuju untuk merealiasasikan Wawasan 2020. Dalam penjelasan yang diberikan, ‘Modal insan berminda kelas pertama’ yang dimaksudkan di sini ialah “...mesti mempunyai pembangunan secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, ... dan juga sikap yang progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi” (Misi Nasional, 2006-2010: m.s. 16). Masyarakat ‘berminda kelas pertama’ yang dimaksudkan pula adalah masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral (Rancangan Malaysia Kesembilan). Selain daripada itu, juga dinyatakan dalam Misi Nasional bahawa kejayaan masa hadapan negara bergantung kepada kualiti modal insan yang dimiliki dari segi intelek dan juga keperibadian (Rancangan Malaysia Kesembilan).

Pencapaian akademik sentiasa menjadi kayu pengukur kepada jumlah ilmu pengetahuan yang diperoleh seseorang. Hakikat ini bukan sahaja bertepatan untuk alaf ini yang dikuasai oleh revolusi teknologi maklumat, tetapi telah dibuktikan sebelum revolusi, malahan juga akan memainkan peranan utamanya pada masa hadapan iaitu era globalisasi yang diwujudkan akibat daripada perkembangan ilmu. Pencapaian akademik juga merupakan elemen yang penting dan amat dipandang serius oleh ibu bapa dan masyarakat dalam konteks kehidupan hari ini yang berorientasikan pendidikan, berpaksikan intelek serta bersikap ‘pemburuan sijil’ (Nor, 2004). Selain itu, pencapaian akademik yang baik juga merupakan paspot untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan serta luar negeri malahan untuk mendapatkan pekerjaan (Lim, 1998).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Semua ibu bapa inginkan anak-anak mereka berjaya dalam akademik. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka tidak tahu bagaimana caranya untuk membantu anak-anak mereka meningkatkan prestasi dalam pelajaran (Epstein, 2008; Christenson, 2004; Christenson & Sheridan, 2001). Tidak banyak diketahui tentang mengapa ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah (James, 2008; Christenson, 2004; Christenson & Sheridan, 2001) berbanding dengan penglibatan di tahap awal persekolahan (prasekolah) dan sekolah rendah (Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Namun, kajian lalu jelas menunjukkan bahawa ibu bapa lebih banyak melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah rendah dan penglibatan mereka semakin berkurangan ketika di sekolah menengah.

Pelbagai alasan telah pun diberikan oleh ibu bapa untuk kurang melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak di sekolah menengah. Antaranya ialah kerana kurikulum dan silibus yang semakin mencabar, anak-anak di sekolah menengah mampu untuk berdikari dan ibu bapa ingin memberikan lebih tumpuan kepada anak-anak yang masih kecil (Coleman, 1988). Namun, alasan yang diberikan oleh ibu bapa masih dipertikaikan. Ini berikutan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak tidak semestinya penyertaan secara langsung. Ianya boleh juga berlaku secara tidak langsung dan penglibatan itu sendiri tidak hanya terhad di sekolah sahaja sebaliknya boleh juga berlaku di rumah (Deslandes & Bertrand, 2005; Garg *et al.*, 2002; Goldscheider, Thornton & Yang, 2001).

Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) menyatakan bahawa lebih daripada 80,000 orang murid sejak di sekolah rendah telah mengalami masalah untuk kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Masalah ini mungkin dapat diatasi jika pihak sekolah melibatkan ibu bapa di dalam proses pembelajaran anak-anak sejak di bangku sekolah rendah lagi sehingga berlanjutan ke peringkat sekolah menengah. Di barat, penekanan terhadap penglibatan ibu bapa banyak diberikan semasa di tadika dan awal persekolahan sahaja, namun penekanan terhadap pelajar sekolah menengah masih lagi kurang. Oleh itu kajian ini bertujuan

untuk mengkaji hubungan antara konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik di sekolah menengah luar bandar daerah Pitas.

Fenomena yang berlaku di kebanyakan sekolah di kawasan luar bandar terutamanya sekolah kawasan kajian pengkaji adalah ketidakfahaman ibu bapa mengenai betapa pentingnya penglibatan mereka sebagai orang pertama yang memberikan didikan terhadap anak-anak mereka. Kejayaan anak-anak bukan sahaja terletak di tangan guru-guru sekolah malah ibu bapa turut memainkan peranan yang penting. Namun apa yang berlaku di sekolah menengah di daerah Pitas ini adalah sikap ibu bapa yang menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka seratus peratus kepada guru-guru, ini adalah disebabkan oleh persepsi yang tinggi ibu bapa terhadap guru-guru. Mereka menganggap guru-guru adalah insan yang terlalu sempurna dan berupaya mendidik anak-anak dalam semua aspek, mereka tidak menyedari masa guru-guru berdamping dengan anak-anak adalah terlalu singkat. Memang betul kalau anak-anak berada di sekolah guru-guru akan berusaha memberi didikan sebaik mungkin, namun tugas itu akan berakhir apabila pelajar kembali ke rumah, dan sepatutnya ibu bapa haruslah mengambil alih peranan tersebut agar didikan kepada anak-anak berterusan. Sehingga pernah berlaku di sekolah kajian ibu bapa menyalahkan guru-guru apabila anak-anak mereka gagal di dalam peperiksaan. Segelintir ibu bapa tidak mengendahkan aktiviti harian anak-anak mereka sehingga anak-anak terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak baik seperti ponteng sekolah, merokok, ponteng kelas dan juga penyalahgunaan dadah. Ini jelas menunjukkan bahawa konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa di sekolah menengah kajian ini berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i. Mengenalpasti sama ada wujud perbezaan dalam pencapaian akademik pelajar sekolah menengah berdasarkan faktor demografi seperti jantina, bilangan adik beradik, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan bapa.
- ii. Mengkaji hubungan konteks keluarga dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah luar bandar di daerah Pitas, Sabah.